

KURIKULUM KURSUS KOD & KLASIFIKASI UNTUK ORGANISASI STATISTIK BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 - 54

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai kod & klasifikasi, penggunaannya dalam banci/penyiasatan dan kebolehan mengaplikasi kod & klasifikasi tersebut di dalam pelbagai kategori data. Bagi setiap kod & klasifikasi, peserta akan diberi pendedahan kepada konsep, pengkelasan, struktur, kaedah pengkelasan dan perubahan dalam klasifikasi & kod jika berkenaan.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Menjelaskan kepentingan kod & klasifikasi dalam pelaksanaan banci/penyiasatan dan prosesan/penyusunan data pentadbiran.
- ii. Mendedahkan peserta kepada kod & klasifikasi statistik yang diguna pakai di peringkat Jabatan/ agensi berkaitan.
- iii. Meningkatkan kefahaman peserta mengenai penggunaan kod & klasifikasi.
- iv. Meningkatkan kemampuan peserta untuk mengaplikasi kod & klasifikasi yang tepat dalam pelaksanaan banci/penyiasatan dan prosesan/penyusunan data pentadbiran.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : 4 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 41 - 54

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah
- ii. Latih amal
- iii. Ujian